

HURAIAN SUFISTIK AL-TAFTAZANI DALAM HADIS 18 (BERTAQWA DAN BERBUDI PEKERTI MULIA) DALAM AL-ARBA'IN AL-NAWAWIYYAH DAN PERBANDINGANNYA DENGAN HIKAM MELAYU

ROSNI BINTI WAZIR

Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

rosni@kuis.edu.my

ABSTRAK

Manusia diberikan oleh Allah Taala dengan dua kemampuan yang hebat iaitu kekuatan untuk berfikir dan kekuatan untuk beramal. Manusia mampu untuk berfikir tentang hakikat sesuatu perkara yang mampu membawanya lebih dekat pada Allah Taala. Manusia juga mampu membezakan sesuatu yang boleh memberi manfaat serta memberikan mudarat kepadanya. Manusia juga diberikan kekuatan untuk beramal dan mencapai maghfirah-Nya. Penulisan ini akan mengkaji huraian sufistik yang dilakukan oleh al-Taftazani terhadap Hadis 18 (Bertaqwa Dan Berbudi Pekerti Mulia) yang terdapat di dalam al-Arba'in al-Nawawiyyah. Analisis menunjukkan bahawa pendekatan tasawuf yang dilakukan oleh al-Taftazani menyerlahkan kemampuan manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala sekiranya beliau menggunakan kekuatan akal dan amal dengan sebaiknya.

Kata Kunci : Huraian, Sufi, al-Taftazani, Hadis, *al-Arba'in al-Nawawiyyah*

PENGENALAN

al-Taftazani dan *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi'i al-Khurasani atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani¹. Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti², Ibn 'Imad³, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadah⁴ dan al-Baghdadi⁵ serta ramai lagi⁶. Namun begitu, Ibn Hajar

¹ al-Shawkani, *al-Badr al-Tali' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'* (Beyrut : Dar Ibn Kathir, 2006) 2 : 294. Lihat juga Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki, *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, ed. Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (ttc: Markaz Tahqiq al-Turath, 1988), 5 : 190.

² Al-Suyuti, *Bughyah al-Wu'ah fi Tabaqat al-Lughawiyyin wa al-Nuhah*, ed. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, cet.2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1979), 285.

³ Ibn al-'Imad, *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, ed. Mahmud al-Arna'ut (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1992), 8: 547.

⁴ Tash Kubra Zadah, *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu'at al-'Ulum* (Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985), 1: 190.

⁵ Isma'il Basha al-Baghdadi, *Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Muthannifin* (Beyrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Lubnan, 1951) 2 : 429

⁶ Umar Reda Kahalah *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah* (Beyrut: Maktabah al-Mathna, Dar Ihya' al-Turath, t.t), 12 : 183.

al-‘Asqalani telah menggantikan nama “Mas’ud” dengan “Mahmud”⁷, dan hanya beliau seorang sahaja yang berpendapat begini dan tidak diketahui sebabnya⁸. Terdapat satu sahaja *kunniyah* yang diberikan kepada al-Taftazani iaitu Abu Sa‘id, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. ‘Abd Allah ‘Ali al-Mala.⁹ Manakala gelarannya pula adalah “Sa‘ad al-Din”, “Sa‘ad al-Millah wa a l-Din”, “Sa‘ad al-Haq wa al-Din” dan “Sa‘ad”.¹⁰ Nisbah yang paling terkenal untuk tokoh yang bernama “Sa‘ad” ini adalah “al-Taftazani”, sekaligus membezakan beliau dari ulama-ulama yang lain yang dinisbahkan dengan “al-Taftazani” juga.

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand.

Sekiranya dilihat pada kehidupan al-Taftazani pada kurun ke 8H, kita akan mendapati bahawa beliau dikelilingi oleh imam-imam dan ilmuwan Islam yang hebat kerana ia merupakan zaman kecemerlangan fikrah Islam dan ilmunya. Al-Taftazani mempunyai ramai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnavi, Ibn Kathir, Taj Al-Din al-Subki, Ibn al-Muhibb al-Samit, Burhan al-Din Ibn Jama‘ah, al-Zarkasyi dan ramai lagi. Menurut pandangan Dr. ‘Abd Allah ‘Ali al-Mala, Sa‘ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhususi pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fekah dan ‘akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhususi *ilm al-kalam, usul al-feqh, ilm al-mantiq* dan *al-balaghah*.¹¹

Al-Taftazani mempunyai kepakaran yang paling menonjol dalam bahasa Arab dan akidah, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah *Sharh al-Tasrif al-Zanjani*, *Al-Irsyad al-Hadi fi al-Nahw*, *Sharh Al-Mutawwal ‘ala Talkhis al-Miftah*, *Al-Sharh al-Mukhtasar ‘ala Talkhis al-Miftah*, *Sharh Qism al-Thalith min Miftah al-‘Ulum*, *Al-Talwih ila Kashf Haqa‘iq al-Tanqih*, *Hashiah ‘ala Sharh ‘Adad al-Din al-Iji ‘ala Mukhtasar al-Muntaha li Ibn al-Hajib*, *Al-Fatawa al-Hanafiyyah*, *Al-Miftah*¹² *Mukhtasar Sharh Talkhis al-Jami’ al-Kabir Hashiah ‘ala al-Kasyaf al-Zamakhshari*, *Kashf al-Asrar wa ‘Uddah al-Abرار*, *Sharh al-Taftazani ‘ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawi*, *Sharh al-Risalah al-Shamsiyyah*, *Tahdib al-Mantiq wa al-Kalam*, *Sharh al-‘Aqa’id al-Nasafiyyah*, *Al-Maqasid*, *Sharh al-Maqasid*.

⁷ Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Anba’ al-Ghumar bi Abna’ al-Umr fi al-Tarikh*, ed. Dr. Muhammad ‘Abd al-Ma‘id Khan, cet.2, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lubnan, 1986), 2 : 377. Lihat juga Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Durar al-Kaminah fi A‘yan al-Mi‘ah al-Thaminah*, cet.2 (India : Da’irah al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah, 1972), 6 : 112.

⁸ Sa‘ad al-Din al-Taftazani, *Sharh al-Maqasid*, ed. Dr. ‘Abd al-Rahman ‘Amirah (Beirut : Alah al-Kutub, 1998), 1 : 75.

⁹ ‘Abd Allah ‘Ali Husyan al-Mala, *al-Taftazani*, 149.

¹⁰ ‘Abd Allah ‘Ali Husyan al-Mala, *al-Taftazani*, 149.

¹¹ ‘Abd Allah ‘Ali Husyan al-Mala, *al-Taftazani*, 1 : 203.

¹² Ia merupakan karya berkaitan fekah al-Shafi‘i dan ditulis pada tahun 777H/1375M. Ia dinamakan juga sebagai *Miftah al-Feqh*, tetapi al-Taftazani memanggilnya dengan “*al-Miftah*”. Dikatakan al-Taftazani tidak dapat menyempurnakan karya ini kerana terlebih dahulu dijemput ke sisi-Nya. Manuskipnya berada di Perpustakaan Berlin di bawah nombor 4604.

Sharh al-Taftazani ‘Ala al-Ahadith al-Arba ‘in al-Nawawiyyah

Karya ini merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah*. Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh ‘Abd al-Rauf Singkel. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharh al-Latif* yang dihasilkan pada kurun ke 17M, dianggap sebagai karya *sharh al-hadith* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawwuf. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Sheikh ‘Abd al-Rauf Singkel sendiri merupakan tokoh tasawwuf yang terkenal pada waktu itu. Sheikh ‘Abd al-Rauf Singkel dipetik berkata dalam karyanya :

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasihan Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa`d al-Din al-Taftazani *rahmatullah `alayh*. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.

Karya ini telah disenaraikan oleh al-Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba ‘in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah*.

Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini :

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba ‘in al-Nawawiyyah* yang banyak menumpukan kepada nilai tasawwufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawwuf.
- c. Pengarangnya banyak menukikan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metod *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stil yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba ‘in al-Nawawiyyah* yang agak besar saiznya.

TOK PULAU MANIS DAN HIKAM MELAYU

Tok Pulau Manis Pulau Manis atau nama sebenarnya Syeikh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah adalah berketurunan pendakwah dari Baghdad yang merupakan antara pendakwah yang terawal

datang ke Terengganu.¹³ Menurut catatan yang tertulis di makam beliau, tahun kelahirannya adalah pada 1678M/1089H dan meninggal pada 1736M/1149H.¹⁴

Sepanjang bergelumang dengan ilmu pengajian lebih dari 20 tahun, Tok Pulau Manis telah berguru dengan ramai tokoh-tokoh hebat, sama ada di peringkat awal pengajiannya atau di peringkat yang lebih tinggi. Antara guru-guru beliau adalah seperti bapanya sendiri Syeikh ‘Abd Allah bin Syeikh ‘Abd al-Qahar, Syeikh ‘Abd al-Rauf Singkel, Syeikh Ibrahim al-Kurani dan Syeikh Ahmad al-Qusyasyi. Manakala murid-muridnya pula adalah sangat ramai bertebaran di setiap pelosok Nusantara dan meneruskan pula legasi beliau mengajar dan mendidik masyarakat di tempat masing-masing.

Jasa Tok Pulau Manis bukan sekadar sebagai pengasas kepada pengajian Islam di Terengganu dan peranan besar yang dimainkan berkaitan dengan sistem pentadbiran negeri dan perlaksanaan undang-undang Islam di Terengganu, bahkan dengan penghasilan karya-karya yang hebat seperti Hikam Melayu, *Kitab Kifayah Risalah al-Naql* dan *Risalah Kaifiyyah al-Niyyah*.

Kegiatan atau sumbangan Tok Pulau Manis ini dapat dilihat pada tiga aspek, iaitu penubuhan institusi pondok yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian Islam di Terengganu, penghasilan karya-karya agama yang menjadi rujukan ramai dari dahulu hingga sekarang dan peranannya sebagai penasihat agama kepada Sultan Terengganu pada waktu itu. Aktiviti pengajian dan pengajaran, secara aktifnya beliau lakukan semasa berada di tanah suci Mekah lagi. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi sebagaimana ulama-ulama Jawi yang lain seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh ‘Abd al-Samad al-Palimbangi, Syeikh Nawawi Banten dan lain-lain. Disebabkan minatnya yang mendalam terhadap aliran tarekat-tasawuf, beliau memilih untuk mengajar karya-karya hasilan Imam al-Ghazali dan Ibn ‘Ata’illah sendiri.

Tok Pulau Manis dikatakan telah pulang ke tanah air sekitar pertengahan tahun 1690-an sewaktu usianya 40 tahun dan dianggap sebagai antara orang terawal yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem pengajian pondok dan tradisi pengajian Islam di Terengganu¹⁵. Tok Pulau Manis memulakan sistem pendidikannya di Pulau Manis pada pertengahan kurun ke 18. Beliau menggunakan kaedah yang sama sebagaimana kaedah pengajaran di Masjidil Haram.¹⁶

¹³ Abdul Karim bin Ali, Zurita binti Mohd Yusoff dan Hasanuddin bin Mohd, “Shaykh ‘Abd Malik bin ‘Abdullah dan Pengaruhnya Terhadap Kehidupan Masyarakat Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 hingga Awal Abad ke-18”, *Jurnal al-Tamadun* (Bil.8 1/2013), 2.

¹⁴ Abdul Karim bin Ali, Zurita binti Mohd Yusoff dan Hasanuddin bin Mohd, “Shaykh ‘Abd Malik bin ‘Abdullah”, 4.

¹⁵ Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, “Tradisi Keilmuan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara”, *Jurnal Kemanusiaan* (Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.3), 54.

¹⁶ Memandangkan pendidikan yang diperolehi oleh ulama-ulama yang mengasaskan pondok ini diperolehi di Makkah, ia terbuti amat mempengaruhi pola dan kaedah yang digunakan di pondok-pondok ini walaupun terdapat sedikit penyesuaian daripada aspek fizikalnya bagi memenuhi keperluan tempatan. Sila lihat Mohammad Redzuan Othman, “Masjidil Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu”, *Jurnal Usuluddin* (Bilangan 13, Jun 2001), 73.

Hikam Melayu (*Huraian al-Hikam*)

Hikam Melayu atau *Sharh al-Hikam* telah dianggap sebagai sebuah kitab tasawuf terbesar dan terawal menurut aliran al-sunnah wa al-jamaah di dalam bahasa Melayu. Secara nyatanya, tiada perselisihan atau persoalan tentang penisbahan karya ini kepada Tok Pulau Manis. Tiada penulis atau cendikiawan lain yang dikaitkan dengan karya ini. Malah fakta ini diterima oleh ulama dan penulis-penulis apabila mereka membicarakan tentang Tok Pulau Manis dan kitabnya itu. Ia malah dianggap sebagai kitab asas yang digunakan oleh sebahagian besar pengamal tarekat dan pelajar serta penyelidik.

Abdul Malik bin Abdullah of Pulau Manis, Terengganu, made the first Malay translation of the Hikam in seventeenth century. His Kitab Hikam Melayu was probably the basis of Raymond LeRoy Archer's English translation of the Hikam (the core of his dissertation titled Muhammadan Mysticism in Sumatra). Archer used "Allah SWT Sumatran manuscript", but does not name its author. He describes the Hikan as one of the principals texts used by the teachers of Sufism in Sumatra, which is still the case. The kitab Hikam and its commentaries (Sharh Hikam) can be found in most tarekat centres. In addition, almost every night market of Sumatra and Java offers inexpensive Indonesian editions for sale.¹⁷

Kitab Hikam Melayu ini telah digunakan oleh Tok Pulau Manis sebagai bahan pengajaran beliau semenjak di tanah suci Mekah lagi dan sehingga kembalinya beliau ke Terengganu. Ia merupakan teks syarah melayu kepada karya induk iaitu *al-Hikam* karya Ibn ‘Ata’ Allah al-Sakandari.¹⁸ *Al-Hikam* karangan asal Ibn ‘Ata’illah ini membincangkan tentang pandangan rohani tarekat *al-Syadhiliyyah* yang diasaskan oleh Abu Hasan al-Syadhili (m.656/1258M).

Di Alam Melayu, Hikam Melayu karangan Tok Pulau Manis adalah merupakan persuratan sunni terawal yang ditulis secara syarah yang lengkap dan panjang serta tersebar luas di rantau tersebut terutama selepas malapnya pengaruh aliran tasawuf *wujudiyyah* yang berkembang subur di Aceh. Kelahiran Hikam Melayu bolehlah dianggap berperanan bagi memenuhi kekosongan karya-karya tasawuf sunni yang sebelumnya merupakan sebagai alternatif bagi pelajar-pelajar tasawuf selepas karya-karya falsafah *wujudiyyah* dianggap menyeleweng.¹⁹

Kelebihan dan keistimewaan Hikam Melayu sekiranya dibandingkan dengan karya-karya tasawuf yang lain adalah kerana ia membawa satu bentuk penulisan yang baru. Ia bukanlah berbentuk puisi sebagaimana yang dilakukan oleh Hamzah Fansuri. Ia juga bukan berbentuk prosa biasa tetapi ia adalah berbentuk *hikam* yang membawa pemikiran mendalam dengan susunan bahasa yang indah dan menawan. Karangan berbentuk syarah itu merupakan corak baru yang diberi ulasan dan rujukan secara ilmiah, jauh mengatasi corak syarah yang dilakukan oleh Shamsuddin

¹⁷ Sri Kuhnt-Saptodewo, Volker Grabowsky and Martin GroBheim, *Nationalism and Cultural Revival in Southeast Asia : Perpsectives from the Centre and Region* (Wiesbaden, Germany : Otto Harrassowitz, 1997), 179.

¹⁸ *al-Hikam* dalam Bahasa Arab bermaksud “kearifan”. Maka isi kandungannya adalah ajakan kepada kearifan dan kebijaksanaan. Ia merupakan karya agung dan monumla dalam ilmu tasawuf. Isinya adalah tentang arahan dan nasihat keagamaan, ajakan kepada kebaikan, ketabahan dan ketahanan diri. Isinya singkat tapi padat. Gaya penulisannya tidak biasa dan lebih tepat kitab ini disebut sebagai kumpulan kata-kata bijak. Karya ini telah dihuraikan oleh ramai penulis melebihi 55 kali. Sila lihat Abdul Kadir Riyadi, *Arkeologi Tasawuf*, 185-186.

¹⁹ Shafie bin Abu Bakar, “Hikam Melayu : Kajian Falsafah dan Etika” (Tesis Kedoktoran, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, Bangi, 1990), xx

al-Sumaterani terhadap puisi *ruba'i* gurunya, iaitu Hamzah Fansuri. Kandungan Hikam Melayu yang istimewa itulah sebenarnya yang memperkuuhkan kedudukannya di dalam persuratan tasawuf berbahasa Melayu.²⁰ Semenjak pondok pengajian Tok Pulau Manis menggunakan karya ini kitab utama, ia terus dipelajari, ditelaah dan dihadami oleh penuntut dan masyarakat setempat sehingga sekarang.

HURAIAN SUFISTIK AL-TAFTAZANI TERHADAP HADIS 18 (BERTAQWA DAN BERBUDI PEKERTI MULIA) SERTA PERBANDINGANNYA DENGAN HIKAM MELAYU

Huraian Sufistik al-Taftazani

Sewaktu menghuraikan hadis ini, al-Taftazani mengketengahkan satu perkara yang menarik iaitu kemampuan manusia untuk berakhhlak baik. Manusia mempunyai kekuatan yang diberikan oleh Allah Taala untuk melakukan sesuatu yang baik dan istiqamah ke arah itu. Hadis yang dimaksudkan adalah :

عَنْ أَبِي ذَرٍ جُنْدُبٍ بْنِ جُنَادَةَ، وَأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ حَيِّشَمَا كُنْتَ، وَأَتْبِعْ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمْكِحُهَا، وَخَالِقُ النَّاسَ بِخُلُقِ حَسَنٍ (رواه الترمذی).

Terjemahannya : *Daripada Abu Zar Jundub ibn Junadah dan Abu Abdul Rahman Mu'az ibn Jabal, r.a., daripada Rasulullah SAW, bahawa Baginda bersabda: "Bertaqwalah engkau kepada Allah walaupun di mana engkau berada, dan iringilah kejahanan dengan kebaikan, nescaya ia akan menghapuskan kejahanan tersebut dan bergaullah sesama manusia dengan budi pekerti yang baik."*²¹

Al-Taftazani menghuraikan hadis ini dengan menekankan tentang kemampuan manusia untuk bersifat dengan akhlak yang baik. Manusia itu adalah hakikat atau jisim tetapi halus dan lembut mempunyai nur. Ia mempunyai ketinggian yang sama dengan perkara-perkara samawi yang lain. Manusia dianugerahkan dengan 2 kekuatan :

- a) Kekuatan orang yang berakal : mengetahui hakikat benda yang wujud dengan jenis-jenis dan kategori-kategorinya serta hakikat wujudnya. Pengetahuan yang dimiliki inilah yang membawanya kepada mengenali Allah Taala yang terasing dari makhluk yang lain.
- b) Kekuatan orang yang beramal : mengetahui tentang sesuatu yang manfaat dan yang boleh memberi manfaat serta mendekatinya serta mengetahui sesuatu yang mudarat dan yang boleh membawa mudarat serta menjauhinya.

Manusia adalah bertuah dan mempunyai kelebihan sekiranya dia mempunyai kedua-dua kekuatan ini dan dia akan malang sekiranya cacat dari kedua-duanya.

²⁰ Shafie bin Abu Bakar, "Hikam Melayu", xxi.

²¹ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Abwab al-Birr wa al-Silah, Bab Ma Ja'a fi Mu'asyarah al-Nas, hadis no.1988, 1851.

Perbandingan dengan Huraian Oleh Penulis-Penulis Lain

Untuk melihat keistimewaan al-Taftazani di dalam huraianya ini, perbandingan dilakukan terhadap huraian oleh penulis lain terhadap hadis ini. Analisis mendapati bahawa beberapa aspek yang ditekankan oleh mereka seperti :

- a) Terdapat 3 perkara dalam hadis ini; hak Allah, hak mukallaf, hak hamba yang lain. Hak Allah Taala adalah bertaqwa kepada-Nya dan sentiasa merasa Dia dekat. Hak mukallaf adalah menghapuskan setiap dosa itu dengan melakukan kebaikan. Manakala hak hamba yang lain adalah bermuamalah dengan mereka dengan akhlak yang baik.²²
- b) Manusia perlu berusaha untuk berakhhlak dengan akhlak yang baik sebagaimana usaha dalam melakukan amalan kebaikan yang lain seperti solat, puasa.²³
- c) Kebaikan menghilangkan keburukan dan membaiki diri manusia menjadi lebih baik.²⁴
- d) Amal kebaikan hanya mampu menghapuskan dosa kecil. Manakala dosa besar mewajibkan taubat untuk menghilangkannya.²⁵
- e) Taqwa adalah takut kepada Allah Taala, melakukan suruhan, menjauhi larangan dan menjadikan ketaatan benteng daripada neraka.²⁶
- a) Budi pekerti yang baik merupakan kata yang komprehensif untuk memberikan kebaikan kepada manusia dan menghindar aniaya dari mereka.²⁷

Oleh itu, pendekatan yang digunakan oleh al-Taftazani gak berbeza dengan orang lain kerana ia menekankan pada dua perkara sebagaimana yang dinyatakan di atas iaitu :

- a) Menekankan tentang kehebatan manusia dan kemampuan yang mereka miliki untuk berakhhlak baik dan berbudi pekerti mulia.
- b) Manusia mempunyai 2 kekuatan yang bantu membantunya untuk melakukan kebaikan.

Konsep “Kekuatan dan Kemampuan Manusia Berakhak Baik” di dalam Syarah Hikam

Perkara yang ditekankan oleh al-Taftazani di dalam huraianya ini adalah tentang kekuatan akal manusia, sekiranya diuruskan dengan baik, ia mampu menjadi alat untuk mengenali Allah SWT dengan lebih baik. Sekiranya ditelusuri *Syarah Hikam*, ada beberapa tempat yang mana ditekankan kekuatan akal manusia yang mendorongnya mengenali Allah SWT dan melakukan kebaikan.

Kekuatan akal manusia untuk mengenali Allah SWT adalah berkait rapat dengan sinar mata hati. Ia akan menunjuk ke arah iman dan memperlihatkan betapa dekatnya Allah SWT. Dalam keadaan ini, manusia akan melihat Dia lebih hampir kepada dirinya lebih dari urat di lehernya.²⁸

²² Ibn Mulaqqin, *al-Mu'in*, 242. Lihat juga al-Tufi al-Hanbali, *al-Ta'yin*, 153. Lihat juga Mustafa Abdul Rahman, *Hadith 40*, 231. Lihat juga Zulkifli al-Bakri, *al-Kafi*, 180.

²³ Ibn Mulaqqin, *al-Mu'in*, 254.

²⁴ al-Dimyati, *al-Jawahir al-Lu'luyyah*, 169. Lihat juga Muhammad Abdurrazak Mahili, *Cahaya Nabawi*, 18.

²⁵ Mustafa Abdul Rahman, *Hadith 40*, 231.

²⁶ al-Dimyati, *al-Jawahir al-Lu'luyyah*, 169. Lihat juga Zulkifli al-Bakri, *al-Kafi*, 181.

²⁷ Muhammad Abdurrazak Mahili, *Cahaya Nabawi*, 108.

Manusia mempunyai potensi atau kekuatan untuk berakhhlak baik dengan gabungan tiga unsur yang utama iaitu nur, akal dan hati. Hati itu boleh menghadap dan berpaling dengan sekira-kira dibukakan oleh mata hatinya itu. Apabila nur dan mata hati tidak ada dalam hati seorang hamba itu, jadilah hati itu seperti orang buta yang berjalan, yang bertindak menurut tanggapan sendiri dan tidak tahu yang mana benar dan yang mana salah. Oleh itu nur itu memberi faedah ke arah membuka segala *ma'ani* yang ghaib sehingga tampak nyata berbagai-bagai rahsia daripada alam ghaib menyerap di dalam hati. Nur yang dimaksudkan di sini adalah pengetahuan akal.²⁹

Akal yang digunakan untuk berfikir adalah perjalanan hati bagi semua makhluk selain Allah SWT sehingga menampakkan yang lain itu fana dan yang kekal hanya Dia. Syeikh Hasan RA berkata : “Fikir itu adalah cermin yang bersih yang melihat kebaikan anda daripada kejahanan.” Fikir orang *zahid* adalah apabila mereka memfanakan dunia, maka semakin bertambahlah zuhud mereka di dalamnya. Fikir bagi mereka yang abid pula ialah berfikir tentang kebaikan dan keelokan pahala, maka semakin bertambahlah keinginan mereka padanya. Sedangkan fikir orang arif pula adalah berfikir dalam segala sifat dan nikmat, maka semakin bertambahlah cinta mereka kepada Allah Taala.³⁰

Akal yang digunakan untuk berfikir juga umpama pelita hati yang dapat menunjukkan hakikat sesuatu, maka apabila padamnya pelita ini, maka hati menjadi gelap. Hati yang kosong daripada nur bererti gelap kerana di dalamnya adalah kebodohan dan tipu daya. Tok Pulau Manis menjelaskan bahawa berfikir ini mempunya dua bentuk ; fikiran yang lahir daripada tasdiq (membenarkan dalam hati/percaya) dan iman, iaitu membawa kepada pengetahuan dunia dan akhirat, nafsu dan penipuannya dan syaitan dan dayanya; fikiran yang timbul dari *syuhud* dan ‘*iyān*, iaitu berfikir pada sifat-sifat Allah Taala dan Zat-Nya, sebagaimana yang layak bagi-Nya.³¹

Apabila menyentuh tentang amal pula, ia banyak sekali terdapat dalam *Syarah Hikam*, antaranya adalah seperti amalan adalah sesuatu yang zahir, manakala rahsia ghaib berupa makrifat, yakin

²⁸ Huraian terhadap Hikmah 36 : شَعْاعُ الْبَصِيرَةِ يُشَهِّدُكُ فِرْنَةً مِنْكَ

Terjemahannya : “Sinar mata hati itu (*syua' al-basirah*) ialah nur cahaya akala yang menunjuk ke arah iman dapat memperlihatkan kepada anda betapa dekatnya Allah Taala dengan anda.” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 82.

²⁹ Huraian terhadap Hikmah 55 : التُّورُ لَهُ الْكَشْفُ وَالْبَصِيرَةُ لَهَا الْحُكْمُ وَالْقُلْبُ لَهُ الْإِقْبَالُ وَالْإِذْبَارُ

Terjemahannya : “Nur itulah yang dapat membuka (menerangi) hakikat segala perkara dan penglihatan mata hati (*al-basirah*) yang menerangkan hukum yang nampak nyata sama ada yang baik ataupun yang jahat (hati yang melaksanakannya atau menggagalkannya).” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 122.

³⁰ Huraian terhadap Hikmah 255 : الفِكْرَةُ سَيِّرُ الْقَلْبِ فِي مَيَادِينِ الْأَعْيَارِ

Terjemahannya : “Berfikir itu adalah perjalanan hati pada setiap makhluk selain Allah SWT sehingga anda melihat sesuatu yang berbilang-bilang (makhluk) itu fana, maka tempat itu diganti oleh Allah yang Kekal.” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 426.

³¹ Huraian terhadap Hikmah 256 : الفِكْرَةُ سَيِّرُ الْقَلْبِ فَإِذَا ذَهَبَتْ فَلَا إِضَاءَةَ لَهُ

Terjemahannya : “Berfikir itu adalah pelita hati yang dapat menunjuk hakikat sesuatu, maka apabila ia hilang (padam), maka hati pu tidak menjadi terang lagi.” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 427.

dan lain-lain seumpamanya adalah yang tersembunyi di dalam hati. Yang lahir dan nampak nyata itu adalah cermin batin dan apa yang tersembunyi dan tersimpan di dalam batin yang berupa makrifatullah, pasti akan nampak nyata bekas (pengaruhnya) pada setiap anggota lahir yang sayang kepada Allah Taala. Sebaliknya, apa yang tersimpan di dalam batin yang berupa kejahanan tentang Allah Taala, pasti tampak nyata dalam penglihatan anggota lahir yang bersandar kepada yang lain selain Allah Taala.³²

Buah amal ialah dapat merasakan kemanisan dan kelazatan di dalamnya. Dalam ertikata lazat, sedap dan manisnya amal itu sehingga terasa sebagai nikmat yang tidak ada tolok bandingnya. Ianya hanya dapat dicapai dengan membanyakkan amal dengan sentiasa mengekalkannya (istiqamah). Seorang arif berkata : “Tiada suatu pun kebaikan melainkan dengan kepayahan yang memerlukan kesabaran dalam amalnya. Maka, sesiapa yang bersabar atas kesusahannya itu, nescaya akan membawa kepada kesenangan dan kemudahan iaitu mujahadah melawan hawa nafsunya.” Thabit al-Bunani RA berkata : “Saya bersusah payah berlatih membaca al-Quran selama dua puluh tahun, setelah itu barulah saya dapat merasakan nikmatnya dua puluh tahun.”³³

Adakalanya buah amal yang dilakukan sekarang tertolak. Oleh itu, ambillah ia sebagai iktibar dengan qasad semata-mata dapat mendekatkan diri saja dan dalam masa yang sama anda menyerahkan kepada Qadak Allah Taala terhadap apa yang disebalik amal itu. Amal yang tidak terdapat *hudur* (rasa keberadaan Allah) di dalamnya itu perlu diingatkan agar anda jangan berputus asa kerana ia terserah kepada Allah Taala. Kerana kadangkala Dia menerima amalan itu yang buahnya belum anda temui sekarang.³⁴

Al-Taftazani juga telah menggunakan pendekatan yang unik apabila melihat hadis ini dari sudut pandang yang berbeza dari orang lain. Hadis ini telah dijadikan motivasi oleh beliau agar manusia menyedari bahawa mereka mempunyai kekuatan dan kemampuan melakukan kebaikan. Uniknya, beliau membahagikan kemampuan itu kepada dua; kemampuan akal dan kemampuan amal. Manusia yang memiliki kedua-dua kemampuan ini adalah insan yang bertuah, yang tidak memilikinya adalah satu kerugian.

Perbincangan utama bagi hadis 18 ini adalah tentang kemuliaan manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini serta taqwa adalah jalan kejayaannya. Cahaya ketakaan yang mampu

³² Huraian terhadap Hikmah 28 : مَا اسْتُوْدَعَ فِي عَيْبِ السَّرَّائِرِ ظَاهِرٌ فِي شَهَادَةِ الظَّاهِرِ

Terjemahannya : “Apa yang tersembunyi dalam batinnya pelbagai rahsia ghaib yang berupa makrifat, yakin dan lain-lain seumpamanya, pasti tampak nyata pada penglihatan anggota lahir (dengan amal).” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 63.

³³ Huraian terhadap Hikmah 71 : إِذَا أَرَدْتُ أَنْ تَعْرِفَ قَدْرَكَ عِنْدَهُ فَانظُرْ فِيمَا دَأْتَ يُقْيِيمُكَ

Terjemahannya : “Sesiapa yang dapat merasakan buah amalnya pada masa sekarang ini, maka menunjukkan adanya penerimaan (tanda diterimanya amal itu) oleh Allah Taala dengan anugerah-Nya.” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 159.

³⁴ Huraian terhadap Hikmah 216 : لَا يَلْجَأُنَّ مِنْ قَبْوِلِ عَنْهِ لَمْ يَجِدْ فِيهِ وُجُودَ الْحَضُورِ فَرِجَّمَا قُبِلَ مِنَ الْعَقْلِ لَمْ تُدْرِكْ تَمْرِيزَةً عَاجِلًا

Terjemahannya : “Janganlah berputus asa kerana tidak diterima amal yang tidak anda peroleh *hudur* hati di dalamnya. Sebab, ada kemungkinan amal itu diterima padahal anda belum dapat melihat buahnya dengan segera sekarang.” Sila lihat Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah, *Syarah Hikam*, 360.

memusnahkan kegelapan maksiat serta bersegera untuk bertaubat sekiranya melakukan dosa. Hadis ini juga menekankan tentang akhlak yang baik, bentuk-bentuk serta kepentingannya.

Analisis Perbandingan Pendekatan al-Taftazani dengan Konsep “Kekuatan dan Kemampuan Manusia Untuk Berakhhlak Baik” di dalam Syarah Hikam

Setelah melihaturaian tasawuf yang dibuat oleh al-Taftazani serta menganalisis pendekatan Tok Pulau Manis di dalam *Syarah Hikam*, ia dapat dilihat dari beberapa aspek :

- a) Akal adalah kekuatan manusia yang perlu diurus dengan baik.

Al-Taftazani menganggap akal itu sebagai kekuatan bagi manusia untuk mengetahui hakikat benda yang wujud dan pengetahuan inilah yang membawanya mengenali Allah. Pernyataan ini disokong oleh Tok Pulau Manis dengan membincangkan secara khusus tentang akal manusia yang mampu untuk menyingkap hati manusia kepada perkara ghaib. Oleh itu, dapat difahami bahawa akal manusia yang kuat serta disinari dengan ilmu pengetahuan akan mampu membawa manusia mengenali Tuhan-Nya. Akal juga merupakan perjalanan hati bagi semua makhluk Allah Taala sehingga menjadikannya fana di sisi Allah Taala. Beliau menegaskan bahawa fikir dan akal ini akan membawa manusia lebih dekat dengan Pencipta-Nya.

Hamka bersetuju bahawa akal adalah kekuatan manusia dan sekiranya diuruskan dengan baik dan disempurnakan bahagiannya, maka akan timbul perasaan wajib mengerjakan agamanya. Imam al-Ghazali menjelaskan makna akal di dalam *Ihya'* dengan menarik³⁵ dan dapat difahami bahawa akal ini amat berkait rapat dengan ilmu dan pengetahuan. Maka, amat tepat sekali apabila al-Taftazani menyatakan akal adalah kekuatan yang dimiliki oleh manusia.

Sekiranya dianalisisuraian Imam al-Ghazali terhadap akal, dapat dilihat kesamaan yang ada padauraian al-Taftazani. Beliau memberikan beberapa contoh bagaimana akal itu menjadi kekuatan kepada manusia :³⁶

- i. Jiwa manusia adalah seperti raja dalam kota dan jiwanya adalah kerajannya. Anggota tubuh dan kekuatannya adalah tukang-tukang dan pekerjanya. Nafsu syahwat pula adalah penjahat yang mencuri makanan dalam simpanan. Manakala peranan akal di situ adalah umpama menteri yang berakal memberi nasihat dan pedoman kepada raja.
- ii. Tubuh itu seperti kota, kekuatan manusia yang mengetahui adalah seperti tentera dan pembantunya. Anggota badannya adalah seperti rakyatnya manakala nafsunya adalah musuh yang menentang kerajaan. Dalam konteks ini, akal adalah seperti raja yang mengatur kota.
- iii. Akal adalah umpama pengendera kuda yang pergi berburu. Nafsu syahwatnya adalah seperti kudanya dan marahnya adalah seperti anjingnya. Jika pengendaranya cerdik, kudanya terlatih dan anjingnya terdidik dan cukup latihan, maka dia layak menerima kemenangan. Sekiranya dia tidak pandai bekerja, kudanya liar dan anjingnya tidak


³⁵ Imam al-Ghazali memberi 5 takrifan kepada akal (1) Pengetahuan tentang hakikat segala keadaan, maka ia adalah ibarat dari sifat-sifat ilmu yang tempatnya adalah di hati (2) Ia adalah yang memperolehi pengetahuan itu dan ia adalah hati. (3) Sifat orang yang berilmu (4) Ilmu atau tempat pengetahuan. (5) Yang halus dari manusia yang mengetahui dan yang merasa. Sila lihat Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, 3 : 4

³⁶ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, 3 : 6-7

terlatih, maka dia akan menerima kebinasaan. Tidak pandai bekernya pendendera kuda adalah seperti bodohnya manusia, kurang bijaksana serta tumpul pandangan. Melawannya kudanya adalah seperti kerasnya nafsu syahwat dan buasnya anjing seperti keras dan berkuasanya kemarahan.

Secara jelas Imam al-Ghazali menyebut bahawa akal adalah sumber ilmu, tempat timbul dan sendi ilmu. Ilmu itu berlaku dari akal sebagaimana berlakunya buah-buahan dari pohon kayu, sinar dari matahari dan penglihatan dari mata. Beliau bertanya : “Bagaimakah akal itu tidak mulia sedangkan ia adalah jalan kebahagiaan di dunia dan akhirat?” Malah, orang-orang yang ingkar dan mahu membunuh baginda Rasulullah SAW apabila pandangan mereka jatuh kepadanya, mereka gementar dengan sinar wajahnya yang mulia dan menimbulkan ketakutan di hati mereka. Kelihatan di mata mereka adalah sinar kenabian baginda yang gilang gemilang. Meskipun ia adalah satu kebatinan dalam diri baginda sebagaimana kebatinan akalnya.³⁷ Akal, sekiranya diurus dengan baik, ia adalah kekuatan bagi manusia; akal adalah sumber ilmu, akal yang membezakan manusia dan haiwan, akal akan membawa manusia kepada Khaliqnya.

Rajah 1 : Ringkasan Kekuatan Akal Manusia Mengikut Tok Pulau Manis



Sumber : *Syarah Hikam* oleh Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah (Tok Pulau Manis Pulau Manis)

Melihat kepada konsep tentang akal yang dibuat oleh Tok Pulau Manis, jelas menunjukkan bahawa akal adalah kekuatan bagi manusia. Akal yang disinari dengan nur, dikuatkan dengan

³⁷ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, 3 : 6-7

Dalam tajuk ini, Imam al-Ghazali membahagikan hakikat akal ini kepada 4 :

- i. Akal itu membezakan antara manusia dan haiwan.
- ii. Akal itu adalah ilmu pengetahuan yang timbul ke alam wujud pada diri anak kecil yang dapat membezakan tentang kemungkinan barang yang mungkin dan kemustahilan barang yang mustahil.
- iii. Akal itu ialah ilmu pengetahuan yang diperolehi dari pengalaman dengan berlakunya pelbagai keadaan.
- iv. Bahawa kekuatan dari gharizah itu berpenghabisan sampai kepada mengetahui akibat dari segala hal dan mencegah hawa nafsu yang mengajak kepada kesenangan yang dekat dan menundukkannya.

aktiviti berfikir serta dibimbing oleh ilmu yang tepat dan benar, manusia sememangnya dibekalkan oleh kekuatan yang amat kuat oleh Allah Taala. Kekuatan yang mampu menjelaskan apa yang baik dan apa yang buruk serta mendekatkannya dengan Allah Taala. Manakala M.Quraish Shihab pula menambahkan lagi satu elemen yang penting untuk menyempurnakan kekuatan akal itu iaitu *iradah*. Beliau menggambarkannya sebagai momentum pertama yang menghasilkan aktiviti dan sekiranya digabungjalinkan dengan kemampuan, akan menghasilkan tenaga yang membawa manusia ke jalan yang Satu. Malah Hamka juga mengaitkan akal sebagai alat yang akan melahirkan rasa kewajipan dalam jiwa manusia. Tiga bentuk keadaan, kedudukan serta peranan akal yang digambarkan oleh Imam al-Ghazali juga menunjukkan manfaat akal kepada manusia.

Maka jelaslah di sini, benar dan tepat sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Taftazani, akal adalah kekuatan manusia dan sekiranya diuruskan dengan baik, ia adalah senjata manusia dalam menghadapi hidup sebagai bekala Akhiratnya.


b) Amal juga adalah kekuatan manusia.

Menurut al-Taftazani, kekuatan kedua yang dimiliki oleh manusia adalah amal. Tepat sebagaimana dinyatakan ia disokong secara serius oleh Tok Pulau Manis. Banyak sekali pernyataan tentang amal yang terdapat di dalam *Syarah Hikamnya* itu. Pertamanya, Tok Pulau Manis menegaskan bahawa amal itu amat berkait rapat dengan apa yang ada dalam hati manusia. Maka, sekiranya manusia menginginkan amalannya cantik, maka perelokkanlah hatinya. Beliau juga menekankan tentang buah amal yang akan dirasai manisnya dengan istiqamah melakukannya. Namun, sekiranya amalan yang dilakukan itu tertolak, maka anggaplah ia sebagai satu jalan semata-mata untuk mendekatkan diri kepada Allah Taala dan menyerahkan kepada-Nya atas sekali takdir di sebalik amalan itu.

Imam al-Ghazali sewaktu mengulas tentang zikir, beliau telah menggambarkan bagaimana kekuatan yang dimiliki oleh manusia dalam melakukan amalan dan bagaimana ia akhirnya menjadi senjata ampuh dalam melawan kejahanan dunia. Manusia mempunyai satu jiwa yang boleh diasuh untuk melakukan sesuatu amalan. Sekiranya ia diasuh untuk memikul sesuatu yang dirasakan berat sehingga ia menjadi biasa, maka melakukan amalan yang dirasakan berat sebelum ini sudah menjadi nikmat kepadanya. Nikmat itu kemudiannya menjadi tabiat baginya. Inilah yang dimaksudkan oleh Tok Pulau Manis bahawa sesuatu amalan itu perlu dilakukan secara istiqamah demi untuk merasai kenikmatannya. Dalam huraian tentang keutamaan zikir ini juga Imam al-Ghazali menekankan tentang perkaitan antara hati dan ibadah sebagaimana huraian Tok Pulau Manis.³⁸

³⁸ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*, 1 : 294.

Rajah 2 : Ringkasan Konsep Amal Manusia Mengikut Tok Pulau Manis



Sumber : *Syarah Hikam* oleh Syeikh ‘Abd al-Malik bin Amrullah (Tok Pulau Manis Pulau Manis)

Konsep amal bagi Tok Pulau Manis sebagaimana dinyatakan dalam rajah di atas adalah bersifat prinsip, manakala secara terperincinya berkaitan bentuk amal seperti zikir, solat, doa dan sebagainya berada secara berselerak di dalam karyanya yang sebahagiannya ada disentuh dalam penulisan ini. Hampir keseluruhan menggambarkan bagaimana amal yang dilakukan oleh manusia secara sempurna menurut syariat adalah kekuatan yang dimiliki oleh manusia. Imam al-Ghazali sendiri sewaktu mengulas tentang zikir, menekankan satu perkara yang sangat penting untuk difahami iaitu, manusia mempunyai kekuatan atau potensi yang besar untuk diasuh melakukan kebaikan (amal), apabila dilakukan secara berterusan, amalan itu akan bertukar menjadi nikmat dan kemudianya menjadi tabiat.

Maka, amat bertepatan sekali pendekatan al-Taftazani terhadap hadis ini, bahkan ia juga tepat sebagaimana prinsip dalam amalan tasawuf itu sendiri. Malahan, ia menggambarkan keunikan al-Taftazani yang melihat amal sebagai kekuatan manusia, bukan sekadar membincangkannya sebagaimana penulis lain.

KESIMPULAN

Manusia telah dianugerahkan oleh Allah Taala dengan dua kekuatan yang mampu membawanya dekat kepada Allah Taala. Namun begitu dalam perjalanan kepada-Nya, dua kekuatan ini perlu diurus dengan baik. Analisis perbandingan di antara huraian sufistik al-Taftazani terhadap Hadis

18 ini dengan huraian Tok Pulau Manis di dalam al-Hikam menunjukkan kedua-dua penulis bersetuju bahawa akal manusia yang mampu untuk menyingkap hati manusia kepada perkara ghaib. Akal yang baik juga akan menimbulkan perasaan tanggungjawab terhadap kewajipan yang telah ditentukan oleh syarak. Namun begitu, ia perlu diisi dengan ilmu pengetahuan yang benar

Kedua-dua penulis juga bersetuju bahawa amal itu amat berkait dengan hati manusia. Sekiranya manusia menginginkan amalannya baik, maka niatnya juga seharusnya baik. Walaupun amal itu memerlukan usaha, manusia mampu melakukannya. Manusia boleh dibentuk dan diasuh untuk melakukannya. Bahkan beliau akan merasai nikmat di sebalik amal itu, merasa ringan dan akhirnya menjadi tabiat sepanjang hidupnya.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Riyadi, Arkeologi Tasawuf : Melacak Jejak Pemikiran Tasawuf Dari Al Muhasibi (Bandung : Penerbit al-Mizan, 2016).
- Abdul Karim bin Ali, Zurita binti Mohd Yusoff dan Hasanuddin bin Mohd, “Shaykh ‘Abd Malik bin ‘Abdullah dan Pengaruhnya Terhadap Kehidupan Masyarakat Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 hingga Awal Abad ke-18”, Jurnal al-Tamadun (Bil.8 1/2013)
- Ibn al-‘Imad, *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, ed. Mahmud al-Arna’ut (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1992).
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, *al-Durar al-Kaminah fi A‘yan al-Mi’ah al-Thaminah*, cet.2 (India : Da’irah al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah, 1972).
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Anba’ al-Ghumar bi Abna’ al-Umr fi al-Tarikh*, ed. Dr. Muhammad ‘Abd al-Ma‘id Khan, cet.2, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lubnan, 1986).
- Isma‘il Basha al-Baghdadi, *Hadiyyah al-‘Arifin Asma’ al-Mu’allifin wa Athar al-Muthannifin* (Beyrut : Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Lubnan, 1951).
- Mohammad Redzuan Othman, “Masjidil Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu”, *Jurnal Usuluddin* (Bilangan 13, Jun 2001).
- Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, “Tradisi Keilmuan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara”, *Jurnal Kemanusiaan* (Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.3).
- Sa‘ad al-Din al-Taftazani, *Sharh al-Maqasid*, ed. Dr. ‘Abd al-Rahman ‘Amirah (Beirut : ‘Alah al-Kutub, 1998).
- Shafie bin Abu Bakar, “Hikam Melayu : Kajian Falsafah dan Etika” (Tesis Kedoktoran, Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, Bangi, 1990).
- Shawkani al-, *al-Badr al-Tali‘ bi Mahasin man Ba‘d al-Qarn al-Sabi‘* (Beyrut : Dar Ibn Kathir, 2006) 2 : 294.
- Sri Kuhnt-Saptodewo, Volker Grabowsky and Martin GroBheim, *Nationalism and Cultural Revival in Southeast Asia : Perspectives from the Centre and Region* (Wiesbaden, Germany : Otto Harrassowitz, 1997).
- Suyuti al-, *Bughyah al-Wu‘ah fi Tabaqat al-Lughawiyyin wa al-Nuhah*, ed. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, cet.2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1979).
- Tash Kubra Zadah, *Miftah al-Sa‘adah wa Misbah al-Siyadah fī Mawdu‘at al-‘Ulum* (Beyrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985).

Tirmidhi al-, *Sunan al-Tirmidhi*, Abwab al-Birr wa al-Silah, Bab Ma Ja'a fi Mu'asyarah al-Nas,
hadis no.1988.

Umar Reda Kahalah *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah* (Beyrut:
Maktabah al-Mathna, Dar Ihya' al-Turath, t.t).

Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki, *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, ed. Dr.
Nabil
Muhammad 'Abd al-'Aziz (ttc: Markaz Tahqiq al-Turath, 1988).